

JADUAL

Borang Permohonan Perkhidmatan Bekalan Air

No. Daftar : _____

No. Akaun : _____

 **Ranhill SAJ Sdn. Bhd.** 199901001818
(476718-H)
Talian Mesra 1800-88-7474
SMS: AT<>RanhillSAJ<>COMPLAINT dan
hantar ke 63001
e-mail: customer.care@ranhill.com.my
Website: www.ranhill saj.com.my

Setem

A. BUTIR-BUTIR PEMOHON

Nama Penuh/Syarikat/Organisasi : _____

No. Kad Pengenalan/Pendaftaran : _____

Kategori pemohon & jenis penggunaan: *Domestik/Industri/Komersial/Kerajaan/
Perkapalan/Rumah Ladang/Pangsapuri
(Pukal)

**Potong jika tidak berkenaan*

B. ALAMAT

Alamat premis permohonan air : _____

No. Telefon Rumah : _____

Alamat surat-menyurat : _____

No. Telefon Bimbit : _____

E-mail : _____

C. JENIS PERMOHONAN

☐

Bekalan Baharu (tetap)

☐

Bekalan Baharu (sementara)

D. JENIS METER

☐

Meter Pukal

☐

Meter Individu

E. PENGESAHAN PEMOHON

Saya, dengan ini bersetuju dan mengaku janji-

- untuk menerima dan menggunakan bekalan air daripada Pemegang Lesen Pengagihan Air bagi Premis yang dinyatakan dalam Bahagian B;
- untuk menerima semua terma dan syarat perkhidmatan bekalan air yang dinyatakan dalam Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air;
- untuk membayar dan menjelaskan semua bayaran bagi pembekalan air; dan
- untuk menggunakan air yang dibekalkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Bahagian A.

Saya selanjutnya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam Borang Permohonan ini adalah benar dan tepat. Jika Pemegang Lesen Pengagihan Air mendapati maklumat ini adalah palsu, Pemegang Lesen Pengagihan Air berhak untuk menamatkan Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air.

Tandatangan/Cop Rasmi Pemohon : _____

Tarikh : _____

PERHATIAN

SILA BACA PERJANJIAN YANG DILAMPIRKAN DENGAN TELITI SEBELUM MENANDATANGANI BORANG PERMOHONAN DAN PERJANJIAN INI.

PERJANJIAN PERKHIDMATAN BEKALAN AIR

PERJANJIAN ini dibuat pada _____ hari bulan _____ 20____

ANTARA

RANHILL SAJ SDN BHD 199901001818 (476718-H) yang alamat berdaftar/tempat perniagaan di Bangunan Ibu Pejabat Ranhill SAJ Sdn Bhd Jalan Garuda Larkin 80350 Johor Bahru (yang disebut sebagai "Pemegang Lesen Pengagihan Air") bagi satu pihak;

DAN

.....(nama pengguna)

.....(Nombor Kad Pengenalan/Nombor

Pendaftaran Syarikat/Pertubuhan) yang beralamat di.....

.....(alamat pengguna) (yang disebut sebagai "Pengguna") bagi pihak yang satu lagi, (kedua-dua Pemegang Lesen Pengagihan Air dan Pengguna boleh disebut secara berasingan sebagai "Pihak" atau secara berse sama sebagai "Pihak-Pihak").

BAHAWASANYA-

- A. Pengguna membuat permohonan kepada Pemegang Lesen Pengagihan Air bagi bekalan air ke premis Pengguna yang beralamat di (alamat premis atau petak Pengguna) (yang disebut sebagai "Premis Pengguna") melalui borang permohonan perkhidmatan pembekalan air yang ditentukan dalam Jadual (yang disebut sebagai "Borang Permohonan").
- B. Pemegang Lesen Pengagihan Air bersetuju untuk membekalkan air ke Premis Pengguna tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI SEPERTI YANG BERIKUT:

BAHAGIAN A TAFSIRAN

1. Dalam Perjanjian ini-

"bangunan bertingkat tinggi" ertinya-

- (a) apa-apa bangunan kediaman bertingkat tinggi;
- (b) apa-apa rumah tempat tinggal bertingkat-tingkat yang tidak dicadangkan untuk dipecah bahagi di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318]; atau
- (c) apa-apa bangunan bertingkat-tingkat bagi maksud komersial, institusi, kerajaan dan perindustrian,

tetapi tidak termasuk mana-mana komuniti berpagar;

"kawasan bersama" ertinya mana-mana kawasan yang tidak terkandung dalam mana-mana petak, dan hendaklah termasuk semua lot letak kereta, kawasan landskap, padang permainan, kawasan rekreasi, laluan tangga, lorong pejalan kaki, koridor, syaf lif, bumbung, pintu masuk, pintu keluar, lobi, ruang terbuka, tembok, pagar, kolam renang dan kawasan lain yang digunakan atau boleh digunakan atau dinikmati secara bersama oleh semua pemilik petak;

"komuniti berpagar" ertinya mana-mana tanah beri milik yang mempunyai dua atau lebih bangunan dipegang sebagai satu lot di bawah hakmilik tetap (sama ada Hakmilik dalam Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Tanah) yang hendaklah boleh dipecah bahagi kepada petak tanah yang setiap satu petak tanah itu dipegang di bawah suatu hakmilik strata atau sebagai suatu petak aksesori di bawah subseksyen 6(1 A) Akta Hakmilik Strata 1985;

"pengurusan" ertinya-

- (a) mana-mana pemaju sebelum pembentukan badan pengurusan bersama atau perbadanan pengurusan yang ditubuhkan di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] atau perbadanan pengurusan yang ditubuhkan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985;
- (b) badan pengurusan bersama atau ejen pengurusannya yang ditubuhkan atau dilantik di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007;
- (c) perbadanan pengurusan atau ejen pengurusannya atau pentadbir yang ditubuhkan atau dilantik di bawah Akta Hakmilik Strata 1985; atau
- (d) mana-mana orang yang diberi kuasa yang dilantik di bawah undang-undang bertulis lain bagi pengurusan bangunan kediaman bertingkat tinggi atau komuniti berpagar; dan

"petak" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Seksyen 2 Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007.

BAHAGIAN B
OBLIGASI PENGGUNA

2. MENERIMA DAN MEMBAYAR KADAR BEKALAN AIR

- 2.1. Sebagai balasan kepada pembekalan air oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air ke Premis Pengguna, Pengguna hendaklah membayar kepada Pemegang Lesen Pengagihan Air pada kadar bekalan air yang ditetapkan yang terpakai di bawah perundangan subsidiari yang dibuat Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 665].
- 2.2. Pengguna hendaklah menjelaskan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar kepada Pemegang Lesen Pengagihan Air bagi pembekalan air dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyerahan bil.

3. PEMBEKALAN AIR

- 3.1. Pengguna bersetuju untuk menggunakan air yang dibekalkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Borang Permohonan.
- 3.2. Pengguna bersetuju untuk tidak-
- (a) membenarkan atau menyebabkan apa-apa bekalan air disalurkan atau dibawa atau digunakan di luar Premis Pengguna bagi maksud selain maksud yang dinyatakan oleh Pengguna, dan kecuali untuk memadamkan kebakaran; dan
 - (b) menyalahgunakan atau membazirkan atau menyebabkan atau membenarkan supaya disalahgunakan atau dibazirkan air yang dibekalkan ke Premis Pengguna.
- 3.3. Jika kegunaan Premis Pengguna telah diubah atau Premis Pengguna sedang diubah suai, tidak termasuk pengubahsuaian kecil, Pemegang Lesen Pengagihan Air berhak untuk mengubah kadar bekalan air yang terpakai bagi Premis Pengguna itu mengikut kadar yang dinyatakan dalam mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.
- 3.4. Jika Premis Pengguna bertukar pemunyaan, Pengguna hendaklah bertanggungjawab untuk membayar kepada Pemegang Lesen Pengagihan Air semua caj berkenaan dengan perkhidmatan bekalan air ke Premis Pengguna yang terakru sehingga mana-mana berikut berlaku dahulu.
- (a) pada hari bekerja ketiga selepas Pengguna memberikan notis pertukaran pemunyaan Premis Pengguna kepada Pemegang Lesen Pengagihan Air; atau
 - (b) pada tarikh pemilik, penghuni atau badan pengurusan Premis Pengguna berikutnya memohon kepada Pemegang Lesen Pengagihan Air untuk membekalkan air ke premis itu.

4. BAYARAN KOS PENYAMBUNGAN DAN DEPOSIT PERKHIDMATAN BEKALAN AIR

- 4.1. Pengguna hendaklah membayar kepada Pemegang Lesen Pengagihan Air-
- (a) kos pemasangan paip penghubung untuk menyambungkan sesalur utama awam ke Premis Pengguna dan semua lengkapan air bagi bekalan air;
 - (b) deposit perkhidmatan bekalan air yang ditetapkan dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014 [P.U. (A) 37/2014] sebelum penyambungan dibuat dan air dibekalkan ke Premis Pengguna; dan.
 - (c) deposit tambahan selepas kajian semula deposit perkhidmatan bekalan air.
- 4.2. Deposit yang dibayar tidak mempunyai bunga apabila dibayar balik dan tidak melepaskan Pengguna daripada tanggungan untuk menjelaskan mana-mana bil yang belum dijelaskan bagi bekalan air yang disediakan kepada Pengguna oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air.
- 4.3. Jika Pengguna gagal untuk menjelaskan mana-mana bil yang belum dijelaskan kepada Pemegang Lesen Pengagihan Air dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyerahan bil itu dan selepas tamat tempoh empat belas hari dari tarikh notis pemotongan diberikan kepada Pengguna, Pemegang Lesen Pengagihan Air boleh memotong bekalan air kepada Pengguna.
- 4.4. Selepas pemotongan bekalan air di bawah Klausula 4.3, bayaran bagi mana-mana bil yang belum dijelaskan sehingga tarikh pemotongan bekalan air boleh dipotong daripada deposit itu.

5. HAK UNTUK MASUK KE PREMIS PENGGUNA

- 5.1. Pengguna hendaklah membenarkan Pemegang Lesen Pengagihan Air atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air untuk masuk ke Premis Pengguna pada bila-bila masa yang dikehendaki untuk menjalankan pemeriksaan atau apa-apa kerja yang berhubungan dengan pembekalan air ke Premis Pengguna.
- 5.2. Pemegang Lesen Pengagihan Air hendaklah, kecuali dalam hal kecemasan, memberikan notis tidak kurang dari dua puluh empat jam sebelum memasuki Premis Pengguna untuk menjalankan pemeriksaan atau apa-apa kerja yang berhubungan dengan pembekalan air ke Premis Pengguna.
- 5.3. Pemegang Lesen Pengagihan Air hendaklah memberikan notis yang munasabah kepada Pengguna bagi maksud membaca meter yang terletak dalam sempadan Premis Pengguna.
- 5.4. Pengguna hendaklah membenarkan Pemegang Lesen Pengagihan Air atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air untuk masuk ke Premis pengguna bagi maksud pembacaan meter individu bangunan kediaman bertingkat tinggi atau komuniti berpagar.

6. PENYENGKARAAN SISTEM PERPAIPAN DALAMAN

- 6.1. Pengguna bertanggungjawab bagi menjaga dan menyenggara sistem perpaipan dalaman dalam Premis Pengguna termasuk paip air perkhidmatan dan hendaklah menanggung kos bagi penjagaan dan penyenggaraan itu.
- 6.2. Bagi bangunan kediaman bertingkat tinggi dan komuniti berpagar, Pemegang Lesen Pengagihan Air bertanggungjawab untuk menjaga dan menyenggara sehingga meter pukal sahaja dan terhad kepada penyerahan bil bagi bacaan meter individu di Premis Pengguna.

7. METER

- 7.1. Pengguna dilarang mengganggu atau menyebabkan diganggu meter atau sub-meter yang digunakan untuk menyukat air yang dibekalkan ke Premis Pengguna.
- 7.2. Jika Pemegang Lesen Pengagihan Air mengalami kesukaran dalam membaca meter pada kedudukan asal disebabkan oleh apa-apa tindakan atau halangan yang disebabkan oleh Pengguna, Pemegang Lesen Pengagihan Air boleh mengubah kedudukan meter itu dengan belanja Pengguna.
- 7.3. Pengguna hendaklah menanggung kos pembaikan atau penggantian mana-mana meter yang hilang, rosak atau musnah-
- (a) jika meter itu diletakkan di dalam sempadan Premis Pengguna; atau
 - (b) jika meter individu di Premis Pengguna terletak di bangunan kediaman bertingkat tinggi atau komuniti berpagar.

8. TANGGUNG RUGI

Tertakluk kepada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Pengguna bersetuju-

- (a) melainkan jika akibat daripada tindakan sengaja atau kecuaiannya Pemegang Lesen Pengagihan Air, Pekerja, pemberi perkhidmatan, ejen atau wakilnya, untuk menanggung rugi dan akan terus menanggung rugi Pemegang Lesen Pengagihan Air daripada dan terhadap segala tuntutan, tindakan, ganti rugi, perintah mahkamah, prosiding, perbelanjaan dan kos (termasuk kos guaman atas skala peguam dan anak guam) yang dibawa oleh pihak ketiga (termasuk pengguna lain) terhadap Pemegang Lesen Pengagihan Air, pekerja atau ejennya yang baginya Pemegang Lesen Pengagihan Air mungkin dipertanggungjawabkan akibat daripada penyempurnaan Perjanjian ini;
- (b) bahawa Pemegang Lesen Pengagihan Air, pekerja, pemberi perkhidmatan, ejen atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab kepada Pengguna terhadap apa-apa kerosakan, kecederaan atau kehilangan kepada harta atau nyawa Pengguna melainkan kerosakan, kecederaan atau kehilangan sedemikian dibuktikan disebabkan oleh perbuatan sengaja kecuaiannya, peninggalan atau kegagalan Pemegang Lesen Pengagihan Air, pekerja, pemberi perkhidmatan, ejen atau wakilnya untuk mematuhi mana-mana piawaian keselamatan yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (c) bahawa Pemegang Lesen Pengagihan Air tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kos yang dikenakan, kehilangan atau kerosakan benda, industri, produk, harta atau nyawa Pengguna akibat kemalangan yang tidak dijangkakan, ketidaktepatan tekanan atau bekalan air, apa-apa kerosakan atau kebocoran sistem perpaipan dalaman, kebakaran atau kemalangan yang mungkin disebabkan oleh bekalan air atau penggunaan atau penyalahgunaan yang tidak disebabkan oleh kecuaiannya atau perbuatan sengaja Pemegang Lesen Pengagihan Air, pekerja, pemberi perkhidmatan, ejen atau wakilnya.

BAHAGIAN C
OBLIGASI PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN AIR

9. PENGELUARAN DAN PENYERAHAN BIL

- 9.1. Pemegang Lesen Pengagihan Air hendaklah mengeluarkan dan menyerahkan bil bagi pembekalan air atau perkhidmatan yang diberikan yang berkaitan dengan pembekalan air itu kepada Pengguna.
- 9.2. Pemegang Lesen Pengagihan Air hendaklah memberikan tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyerahan bil untuk Pengguna membuat pembayaran kepada Pemegang Lesen Pengagihan Air atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air untuk membuat kutipan bayaran bil daripada Pengguna.

10. PEMBEKALAN METER PUKAL DAN METER INDIVIDU DI BANGUNAN KEDIAMAN BERTINGKAT TINGGI DAN KOMUNITI BERPAJAR

- 10.1. Peruntukan Klausula ini hanya terpakai bagi bangunan bertingkat tinggi dan komuniti berpagar.
- 10.2. Pemegang Lesen Pengagihan Air hendaklah, pada hari yang sama, membaca meter pukal dan meter individu di bangunan kediaman bertingkat tinggi atau komuniti berpagar berdasarkan formula yang berikut:
- (a) membaca meter pukal dan mendapatkan bacaan meter pukal itu (yang disebut sebagai "M1");
 - (b) membaca meter individu di Premis Pengguna dan mendapatkan bacaan meter individu (yang disebut sebagai "M2"). Air yang dibekalkan melalui M2 hendaklah dibayar oleh Pengguna yang merupakan pemegang akaun meter individu;
 - (c) membaca meter individu di kawasan bersama dan mendapatkan bacaan meter individu (yang disebut sebagai "M3"). Air yang dibekalkan melalui M3 hendaklah dibayar oleh Pengguna yang merupakan pemegang akaun meter pukal; dan
 - (d) perbezaan antara M1 dengan M2 dan M3 hendaklah dibayar oleh Pengguna yang merupakan pemegang akaun meter pukal.
- 10.3. Pemilik mana-mana petak dan pengurusan suatu bangunan bertingkat tinggi atau komuniti berpagar hendaklah bertanggungjawab secara berse sama untuk membayar apa-apa caj bil air berkaitan dengan mana-mana kawasan bersama mengikut mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara pemilik petak dengan pengurusan.

11. MENDAPATKAN WANG YANG KENA DIBAYAR

- 11.1. Jika jumlah yang dibayar di bawah Klausula 4 dan 9 tidak dibayar oleh Pengguna, Pemegang Lesen Pengagihan Air boleh mendapatkan jumlah yang belum dijelaskan itu melalui tindakan sivil di mahkamah atau apa-apa cara lain yang difikirkannya patut dan wajar.
- 11.2. Suatu pernyataan bertulis oleh pekerja Pemegang Lesen Pengagihan Air dan diperakukan dengan sewajarnya oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air yang menyatakan jumlah yang belum dijelaskan yang kena dibayar hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi bayaran yang kena dibuat oleh Pengguna di bawah Klausula 4 dan 9.

11.3.	Tindakan sivil di mahkamah atau apa-apa cara lain yang diambil oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air untuk mendapatkan bayaran yang belum dijelaskan tidak menjejaskan hak Pemegang Lesen Pengagihan Air untuk memotong bekalan air.	(c)	disebabkan oleh penyumbungan kelengkapan atau lengkapan air yang tidak dibenarkan.
12.	PEMOTONGAN BEKALAN AIR		
12.1.	Pemegang Lesen Pengagihan Air boleh memotong bekalan air ke Premis Pengguna (termasuk bekalan melalui meter pukal atau meter individu) dengan menutup paip air perkhidmatan, memotong paip air perkhidmatan, memberhentikan bekalan air, mengurangkan bekalan air, mengurangkan tekanan bekalan air atau mengambil apa-apa cara lain yang difikirkannya patut; jika Pengguna-	15.3.	Melainkan jika dikecualikan atau dibenarkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta, Pemegang Lesen Pengagihan Air hendaklah mengambil semua langkah yang perlu sebagaimana yang dikehendaki, termasuk menyediakan air melalui lori tangki air, untuk memastikan Pengguna di dalam kawasan pengagihan bekalan airnya dibekalkan air bagi tujuan penggunaan domestik.
(a)	gagal untuk menjelaskan jumlah bagi-	16.	PEMOTONGAN BEKALAN AIR ATAS ARAHAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA
(i)	air yang telah dibekalkan;		Pemegang Lesen Pengagihan Air berhak untuk memotong bekalan air ke Premis Pengguna atas arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, jika Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara mendapati Premis Pengguna telah digunakan atau akan digunakan bagi perlakuan suatu kesalahan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain atau atas apa-apa alasan lain yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.
(ii)	perkhidmatan yang telah diberikan berkaitan dengan pembekalan air; atau	17.	PUNGUTAN CAJ PEMBENTUNGAN OLEH PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN AIR
(iii)	deposit yang dikehendaki di bawah Klausula 4.1 (c), dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyerahan bil;		Pemegang Lesen Pengagihan Air yang diberi kuasa oleh pemegang lesen perkhidmatan pembentungan untuk menuntut, mengutip dan memegang simpan semua kadar dan caj yang ditetapkan untuk atau bagi pihak pemegang lesen perkhidmatan pembentungan berhak untuk mendapatkan jumlah yang kena dibayar melalui tindakan sivil di mahkamah dan memotong bekalan air ke Premis Pengguna jika Pengguna gagal untuk membayar kadar dan caj itu.
(b)	membenarkan atau menyebabkan supaya bekalan air disalurkan atau dibawa atau digunakan di luar Premis Pengguna bagi maksud selain maksud Perjanjian ini, dan kecuali bagi memadamkan kebakaran;	18.	BERURUSAN DENGAN PENGGUNA
(c)	menyalahgunakan atau membazirkan atau menyebabkan atau membenarkan supaya disalahgunakan atau dibazirkan apa-apa air yang dibekalkan ke Premis Pengguna;		Pemegang Lesen Pengagihan Air mempunyai obligasi am-
(d)	setelah bersetuju untuk menggunakan air yang dibekalkan bagi suatu maksud tertentu sahaja, menggunakan atau menyebabkan atau supaya air itu digunakan bagi maksud yang lain, kecuali bagi memadamkan kebakaran; atau	(a)	untuk berurusan dengan Pengguna secara munasabah; dan
(e)	melanggar mana-mana peruntukan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu.	(b)	untuk menangani aduan Pengguna dengan memuaskan.
12.2.	Pemegang Lesen Pengagihan Air tidak bertanggung bagi apa-apa kerosakan (termasuk kerosakan harta) yang dialami oleh Pengguna atau mana-mana orang lain disebabkan oleh pemotongan bekalan air yang dibenarkan di bawah undang-undang.	19.	DATA PERIBADI PENGGUNA
12.3.	Jika Pemegang Lesen Pengagihan Air-	19.1.	Pemegang Lesen Pengagihan Air hendaklah memproses data peribadi seperti yang berikut yang telah dikemukakan oleh Pengguna atau pemberi perkhidmatan yang dilantik oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air:
(a)	memotong bekalan air ke Premis Pengguna; dan	(a)	nama, syarikat atau organisasi Pengguna;
(b)	air dibekalkan ke Premis Pengguna dan premis lain keseluruhannya atau sebahagiannya melalui paip air perkhidmatan yang sama,	(b)	nombor kad pengenalan atau nombor pendaftaran;
	Pemegang Lesen Pengagihan Air boleh memotong bekalan air kepada premis lain itu jika Pengguna itu juga merupakan penghuni premis yang lain itu.	(c)	butiran perhubungan Pengguna seperti alamat, nombor telefon, nombor faksimili dan alamat e-mel;
12.4.	Bagi bangunan kediaman bertingkat dan komuniti berpagar, Pemegang Lesen Pengagihan Air boleh memotong bekalan air ke meter pukal dalam hal keadaan yang diperuntukan dalam Klausula 12.1(a) walaupun tiada jumlah yang belum dijelaskan bagi akaun meter individu Pengguna.	(d)	butiran akaun bekalan air; dan
		(e)	data peribadi yang lain yang diperoleh daripada dokumen perundangan yang diberikan oleh Pengguna termasuk perjanjian jual beli, perjanjian sewaan, surat kuasa mentadbir, pemberian probet, surat kuasa wakil, sijil kelahiran dan sijil kematian.
13.	NOTIS PEMOTONGAN BEKALAN AIR		
13.1.	Pemegang Lesen Pengagihan Air hendaklah memberikan suatu notis pemotongan bekalan air bertulis kepada Pengguna untuk meremedikan atau membetulkan keingkaran atau pelanggaran dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan notis pemotongan bekalan air itu sebelum Pemegang Lesen Pengagihan Air memotong bekalan air di bawah Klausula 12.	(secara kolektifnya disebut sebagai "data peribadi Pengguna")	
13.2.	Apa-apa pembayaran yang dikehendaki untuk dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam Klausula 13.1 hendaklah dibayar melalui apa-apa cara yang ditetapkan oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air.	19.2.	Pemegang Lesen Pengagihan Air boleh memproses data peribadi Pengguna bagi maksud yang berikut:
13.3.	Pembayaran hendaklah diterima oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air sebelum tempoh yang dinyatakan dalam notis pemotongan bekalan air itu tamat.	(a)	untuk menyediakan perkhidmatan bekalan air kepada Pengguna;
13.4.	Pengguna boleh mengemukakan apa-apa bukti pembayaran kepada Pemegang Lesen Pengagihan Air dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis pemotongan bekalan air itu.	(b)	untuk menyenggara sistem bekalan air
13.5.	Jika pengguna gagal meremedikan atau membetulkan keingkaran atau pelanggaran selepas tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam notis pemotongan bekalan air, Pemegang Lesen Pengagihan Air boleh memotong bekalan air di bawah Klausula 12.	(c)	untuk memproses data air;
		(d)	untuk membaca meter dan mengeluarkan bil air kepada Pengguna dan untuk mengutip caj perkhidmatan bekalan air;
		(e)	untuk menyenggara pangkalan data perkhidmatan pelanggan dan bagi apa-apa kegunaan perkhidmatan pelanggan;
		(f)	bagi maksud penyelidikan termasuk penyimpanan rekod sejarah dan statistik;
		(g)	untuk memenuhi keperluan perundangan dan statutori; dan
		(h)	untuk menyasat aduan dan kesalahan.
14.	PENYAMBUNGAN SEMULA BEKALAN AIR		
14.1.	Pemegang Lesen Pengagihan Air hendaklah, dalam tempoh dua puluh empat jam dan dalam apa-apa hal tidak lewat dari dua hari dari tarikh pembayaran penuh jumlah yang kena dibayar di bawah Klausula 12.1 (a), menyambung semula bekalan air ke Premis Pengguna, dengan syarat Pengguna membenarkan Pemegang Lesen Pengagihan Air untuk masuk ke Premis Pengguna bagi menjalankan kerja-kerja penyambungan semula tersebut.	19.3.	Pemegang Lesen Pengagihan Air boleh menzahirkan data peribadi Pengguna bagi maksud yang dinyatakan dalam Klausula 19.2 kepada-
14.2.	Pemegang Lesen Pengagihan Air berhak untuk mendapatkan semula kos daripada Pengguna bagi pemotongan bekalan air dan penyambungan semula bekalan air yang ditetapkan dalam Bahagian II Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014.	(a)	ejen dan pemberi perkhidmatan (termasuk yang berada di luar negara) yang membekalkan perkhidmatan yang berkaitan dengan maksud yang baginya data peribadi diberikan;
		(b)	pihak ketiga (termasuk yang berada di luar negara) yang membekalkan perkhidmatan pemprosesan data;
		(c)	peguam, agensi kutipan hutang dan agensi rujukan kredit yang dilantik oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air, jika terdapat keingkaran dalam pembayaran caj perkhidmatan bekalan air yang dikenakan oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air;
		(d)	mana-mana orang yang berada di bawah obligasi kerahsiaan yang telah memberikan aku janji untuk menyimpan data itu sebagai data sulit; dan
		(e)	pemegang lesen perkhidmatan bekalan air dan pemegang lesen perkhidmatan pembentungan.
15.	PENGURANGAN ATAU PEMBERHENTIAN BEKALAN AIR		
15.1.	Jika Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara memberikan kelulusan, Pemegang Lesen Pengagihan Air boleh-	19.4.	Pemegang Lesen Pengagihan Air boleh menzahirkan data peribadi Pengguna jika dikehendaki untuk berbuat demikian di bawah mana-mana undang-undang atau secara suci hati jika penziran itu adalah perlu-
(a)	mengurangkan kuantiti atau tekanan air yang dibekalkan kepada Pengguna jika disebabkan oleh apa-apa hal keadaan yang di luar kawalannya air tidak mencukupi untuk membolehkan kuantiti yang penuh dibekalkan ; atau	(a)	untuk mematuhi kehendak mana-mana badan kawal selia, agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang, dan
(b)	memberhentikan secara sementara bekalan air.	(b)	untuk melindungi dan membela hak atau harta Pemegang Lesen Pengagihan Air.
15.2.	Pemegang Lesen Pengagihan Air tidak bertanggung bagi apa-apa kerosakan yang dialami oleh Pengguna atau harta bagi apa-apa pengurangan atau pemberhentian bekalan air-		
(a)	yang diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara;		
(b)	disebabkan oleh hal keadaan atau kemalangan yang bukan akibat perbuatan atau tingkah laku Pemegang Lesen Pengagihan Air sendiri; atau		

- 19.5. Pengguna boleh membuat apa-apa pertanyaan, aduan atau permohonan untuk mengakses atau untuk membetulkan data peribadi Pengguna. Apa-apa permohonan untuk mengakses atau untuk membetulkan data peribadi Pengguna boleh dikenakan fi dan hendaklah mematuhi peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709].
- 19.6. Pengguna boleh memilih untuk mengehadkan hak Pemegang Lesen Pengagihan Air untuk memproses data peribadi Pengguna tersebut dan hendaklah memaklumkan kepada Pemegang Lesen Pengagihan Air secara bertulis.

BAHAGIAN D AM

20. PENAMATAN PERKHIDMATAN BEKALAN AIR DAN PENAMATAN PERJANJIAN ATAS PERMINTAAN PENGGUNA

- 20.1. Perkhidmatan bekalan air ke Premis Pengguna boleh ditamatkan oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air atas permintaan Pengguna dalam borang yang disediakan oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air dan Pengguna hendaklah memberikan notis sekurang-kurangnya tiga hari (tidak termasuk cuti mingguan dan cuti umum) sebelum tarikh yang padanya Pengguna mahu penamatan perkhidmatan bekalan air tersebut berkuat kuasa.
- 20.2. Penamatan Perkhidmatan bekalan air di bawah Klausula 20.1 tidak menjejaskan hak Pihak-Pihak untuk menguatkuasakan peruntukan bagi kemungkiran kontrak di bawah Perjanjian ini.
- 20.3. Pemegang Lesen Pengagihan Air berhak untuk menamatkan pembekalan air ke Premis Pengguna jika mahkamah mengisytiharkan bahawa Pengguna itu tidak mempunyai hak di sisi undang-undang untuk menduduki premis itu.
- 20.4. Jika Pemegang Lesen Pengagihan Air mendapati maklumat yang diberikan dalam Borang Permohonan adalah palsu, Pemegang Lesen Pengagihan Air berhak untuk menamatkan Perjanjian ini.
- 20.5. Apabila perkhidmatan bekalan air ditamatkan di bawah Klausula ini, Perjanjian ini hendaklah juga tamat.

21. DUTI SETEM DAN KOS PERJANJIAN

Apa-apa kos dan duti setem yang dikehendaki supaya dibayar berkenaan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Pengguna tetapi setiap Pihak hendaklah menanggung kos peguam caranya sendiri.

22. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

- 22.1. Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta dan Pihak-Pihak hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- 22.2. Pihak-Pihak hendaklah mematuhi semua peruntukan undang-undang yang terpakai, perintah, kehendak dan arahan yang terpakai yang diberikan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berwajib untuk berbuat demikian di bawah mana-mana undang-undang terpakai di Malaysia.

23. FI, CAJ DAN KOS PEMBEKALAN AIR

- 23.1. Apa-apa fi dan caj yang dikenakan ke atas Pengguna berhubung dengan perkhidmatan pembekalan air menurut Perjanjian ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014.
- 23.2. Apa-apa kos lain yang dikenakan ke atas Pengguna bagi pembekalan air hendaklah mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan.

24. PERCANGGAHAN

Jika terdapat percanggahan antara Perjanjian ini dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, peruntukan Akta hendaklah terpakai.

25. ALAMAT

- 25.1. Apa-apa notis, tuntutan atau dokumen yang dikeluarkan oleh Pengguna kepada Pemegang Lesen Pengagihan Air hendaklah dialamatkan kepada-
- (a) alamat berdaftar Pemegang Lesen Pengagihan Air; atau
- (b) mana-mana alamat yang dimaklumkan oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air.
- 25.2. Apa-apa notis, tuntutan atau dokumen yang dikeluarkan oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air kepada Pengguna hendaklah dialamatkan kepada alamat terakhir Pengguna yang diketahui berdasarkan maklumat yang ada pada Pemegang Lesen Pengagihan Air.
- 25.3. Pihak-Pihak hendaklah memberikan notis bertulis empat belas hari kepada Pihak yang satu lagi jika terdapat apa-apa pertukaran alamat.
- 25.4. Kegagalan Pengguna untuk memaklumkan apa-apa pertukaran alamat di bawah Klausula 25.3 tidak menjejaskan obligasi Pengguna di bawah Perjanjian ini.

26. PENYERAHAN DOKUMEN

Apa-apa notis, tuntutan atau dokumen yang dikehendaki untuk diserahkan kepada mana-mana Pihak menurut Perjanjian ini hendaklah secara bertulis dan dianggap telah diserahkan-

- (a) jika diserahkan oleh Pihak atau peguam caranya melalui pos berdaftar ke alamat Pihak yang satu lagi dan dianggap telah diterima pada tamat hari kelima notis, tuntutan atau dokumen itu diposkan; atau
- (b) jika diserahkan oleh Pihak atau peguam caranya secara serahan tangan kepada Pihak yang satu lagi atau peguam caranya, ia dianggap telah diterima pada tarikh penerimaan oleh Pihak yang satu lagi itu atau peguam caranya.

27. MASA IALAH INTIPATI KONTRAK

Masa, jika disebut dalam Perjanjian ini, hendaklah dianggap sebagai intipati Perjanjian ini.

28. BORANG PERMOHONAN

Borang Permohonan yang ditandatangani oleh Pengguna hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini dan hendaklah dibaca, diambil dan ditafsirkan sebagai bahagian yang perlu dan penting dalam Perjanjian ini.

29. PENEPIAN

Kegagalan atau kelewatan oleh mana-mana Pihak untuk menguatkuasakan apa-apa hak atau remedinya tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu penebian terhadap hak atau remedi itu melainkan jika penebian hak atau remedi itu dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Pihak yang berkaitan.

30. IKATAN PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah mengikat waris, wakil diri, pengganti dalam hakmilik dan penerima serah hak yang dibenarkan bagi Pengguna dan Pemegang Lesen Pengagihan Air.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini menurunkan tandatangan mereka pada tarikh yang dinyatakan di atas.

Ditandatangani oleh Pemegang Lesen Pengagihan Air

.....

Disaksikan oleh,

.....

Ditandatangani oleh Pengguna

.....
Nama : Cop Rasmi Syarikat/Perniagaan/Pertubuhan
No. K.P.:

Disaksikan oleh

.....
Nama :

No. K.P. :